



17 JUL, 2023

Kastam tahan token dadah

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam tahan token dadah

Giat buru dua
suspek lolos

Oleh **MUHAMMAD
AFHAM RAMLI**
PORT DICKSON

Cubaan menyeludup dadah ke negara jiran terbantut selepas kereta dinaiki sekumpulan lelaki terbabas di ladang kelapa sawit selepas dikejar Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di sini pada 11 Julai lalu.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Zazuli Johan berkata, kegiatan suspek dikesan Kawangan Narkotik bu Pejabat Kastam dengan dibantu Operasi Tempur



ZAZULI

Kastam (COBRA) pada kira-kira jam 10.30 malam.

Menurutnya, sekumpulan suspek yang menaiki Proton Wira itu diekori dari sebuah stesen minyak di Telok Kemang sebelum cuba ditahan di Taman Bukit Perdana.

“Namun, suspek memecut laju dan menghimpit kenderaan pasukan hingga terbabas.

“Semasa terus dikejar, suspek dilihat mencampakkan satu beg kertas berwarna perang disyaki mengandungi dadah dari tingkap penumpang belakang sebelum terbabas di ladang kelapa sawit di Jalan Politeknik 14, Port Dickson,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Beliau berkata, seorang suspek berusia 27 tahun yang juga bekerja se-



Kereta Proton Wira dinaiki semua suspek terbabas ketika dikejar kastam di Port Dickson, Negeri Sembilan selepas mereka dipercayai terlibat kegiatan pengedaran dadah.

bagai tukang rumah berjaya diberkas.

Katanya, dua suspek yang melarikan diri kini masih dalam buruan pihak kastam.

“Pemeriksaan ke atas beg kertas yang dijumpai menemukan dua bungkusan plastik lut sinar mengandungi serbuk kristal putih disyaki dadah jenis

syabu seberat kira-kira 1.9 kilogram bernilai RM64,350,” katanya.

Beliau berkata, dadah tersebut disyaki akan dihantar ke negara jiran melalui jalan laut.

“Suspek kini direman 14 hari untuk siasatan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952,” katanya.



17 JUL, 2023

Kastam tahan token dadah

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Cubaan menyeludup dadah ke negara jiran terbantut selepas kereta dinaiki sekumpulanGiat buru dua suspek lolos Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI PORT DICKSON

lelaki terbabas di ladang kelapa sawit selepas dikejar Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di sini pada 11 Julai lalu.Ketua Pengarah Kastam, Datuk Zazuli Johan berkata, kegiatan suspek dikesan

Cawangan Narkotik Ibu Pejabat Kastam dengan dibantu Pasukan Operasi Tempur Medan ZAZULI

Kastam (COBRA) pada kirakira jam 10.30 malam.